



ABDUL SHUKOR...kejayaan

KHUSYUK...Safarina Mohd Yusoff (kiri) dan Shamzuriza Abdullah dari Jabatan Agama Islam Perlis tekun mendengar pembentangan persidangan, semalam.

>Pendekatan Islam Hadhari catat kejayaan

KUALA LUMPUR: Pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah mula menunjukkan kejayaan sekalipun masih di peringkat awal pelaksanaan, kata Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Datuk Abdul Shukor Husin.

Beliau berkata, kejayaan paling ketara adalah dari segi pendidikan iaitu menerusi pelaksanaan program j-Qaf di sekolah

dan dari segi sektor perbankan Islam negara yang kini semakin berkembang.

"Ini menunjukkan kita berada di landasan yang betul," katanya kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja bertajuk Pendekatan Islam Hadhari: Malaysia Sebagai Contoh pada hari ketiga Mullaqa Sedunia Alumni Al-Azhar 2008 di sini, semalam.

Abdul Shukor yang juga Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia

(USIM) diminta mengulas pembentangannya sebelum itu yang antara lain meminta masyarakat tidak wajar memperlekehkan pendekatan itu dengan menganggap ia sekadar satu konsep tanpa pengisian.

Dalam pembentangan itu juga, Abdul Shukor berkata masyarakat Islam di negara ini juga harus mengikis rasa takut untuk menerima konsep itu kerana hakikatnya pendekatan Islam Hadhari

semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat Islam antarabangsa.

Sementara itu, Penasihat Raja Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Prof Ali Al-Hashimi berkata beliau kagum dengan sikap toleransi pelbagai kaum yang dipraktikkan di negara ini, sekali gus menunjukkan kejayaan konsep Islam Hadhari yang mementingkan kesederhanaan dalam kehidupan seharian mereka.